



# LAPORAN PERANGKAAAN SUKU TAHUNAN

SUKU TAHUN KEDUA  
(APRIL - JUN)

# 2012



JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



## ISI KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan .....</b>	<b>i</b>
<b>1. Pelesenan Dan Penguatkuasaan</b>	
A. Pelesenan Perumahan Swasta .....	<b>1</b>
B. Penguatkuasaan .....	<b>9</b>
<b>2. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah</b>	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta.....	<b>12</b>
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai.....	<b>15</b>
<b>3. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP) .....</b>	<b>17</b>
<b>4. Program Perumahan Rakyat.....</b>	<b>21</b>
<b>5. Pengurusan Setinggal.....</b>	<b>24</b>
<b>6. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama .....</b>	<b>25</b>
<b>7. Pengurusan Aduan Oleh JPN .....</b>	<b>26</b>

## **PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN**

### **A. PELESENAN PERUMAHAN SWASTA**

#### **I. PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN**

##### **PRESTASI KESELURUHAN**

Pada suku pertama 2012, sejumlah 448 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada pemaju-pemaju perumahan. Ia merangkumi lesen baharu sebanyak 346 lesen (77.23%) dan pembaharuan lesen sebanyak 102 lesen (22.77%).

Pengeluaran lesen pemajuan perumahan pada suku kedua 2012 telah meningkat sebanyak 7.17% atau 30 lesen berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (perbandingan antara suku kedua 2011 dengan suku kedua 2012 [YoY] ). Peningkatan ini dicatatkan bagi lesen baharu iaitu 36 lesen (11.61%) manakala pembaharuan lesen telah mencatatkan penurunan sebanyak 6 lesen (5.56%).

#### **JADUAL 1 :**

##### **PRESTASI PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN PADA SUKU KEDUA 2012**

<b>PENGELUARAN</b>	<b>BILANGAN</b>		<b>% PERUBAHAN</b>
	<b>Q2 2011</b>	<b>Q2 2012</b>	<b>TAHUNAN (YoY)</b>
<b>LESEN</b>	<b>418</b>	<b>448</b>	<b>7.17</b>
BAHARU	310	346	11.61
PEMBAHARUAN	108	102	(5.56)

**II. PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada suku kedua 2012, sejumlah 841 permit iklan dan jualan pemaju perumahan telah dikeluarkan oleh JPN yang merangkumi permit iklan dan jualan baharu sebanyak 352 permit (41.85%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 489 permit (58.15%).

Pengeluaran permit iklan dan jualan pada suku kedua 2012 telah meningkat sebanyak 12.73% atau 95 permit berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini merangkumi kedua-dua permit iklan dan jualan baharu dan pembaharuan; di mana kelulusan permit iklan dan jualan baharu mencatatkan peningkatan sebanyak 13.91% (43 permit) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 11.89% (52 permit).

**JADUAL 2 :**

**PRESTASI PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN PADA SUKU KEDUA 2012**

PENGELUARAN	BILANGAN		% PERUBAHAN TAHUNAN (YoY)
	Q2 2011	Q2 2012	
<b>PERMIT DAN IKLAN JUALAN</b>	<b>746</b>	<b>841</b>	<b>12.73</b>
BAHARU	309	352	13.91
PEMBAHARUAN	437	489	11.89

**III. UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada suku kedua 2012, sebanyak 77,541 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,385 unit (1.80%) adalah rumah kos rendah, 3,393 unit (4.37%) adalah rumah kos sederhana dan 72,763 unit (93.83%) adalah rumah kos tinggi.

Bilangan unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 126.90% (43,368 unit) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini berlaku dalam kategori rumah kos sederhana yang meningkat sebanyak 83.80% (1,547 unit) dan rumah kos tinggi mencatatkan peningkatan sebanyak 142.06% (42,704 unit).

**JADUAL 3 :**

**PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN PADA SUKU KEDUA 2012**

KATEGORI HARGA RUMAH	BILANGAN UNIT		% PERUBAHAN
	Q2 2011	Q2 2012	TAHUNAN (YoY)
<b>SEMUA KATEGORI</b>	<b>34,173</b>	<b>77,541</b>	<b>126.90</b>
KOS RENDAH	2,268	1,385	(38.93)
KOS SEDERHANA	1,846	3,393	83.80
KOS TINGGI	30,059	72,763	142.06

Perbezaan perubahan tahunan yang ketara sepertimana yang dicatatkan di dalam Laporan Perangkaan JPN Suku Kedua 2012 adalah disebabkan oleh ramai pemaju memohon untuk mendapatkan lesen pada tahun semasa sebelum penguatkuasaan deposit pemajuan 3% dilaksanakan.

**B. PENGUATKUASAAN**

**I. KOMPAUN**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Bagi suku kedua 2012, sebanyak 118 notis kompaun yang melibatkan 116 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Jumlah kompaun pada suku kedua 2012 mencatatkan penurunan sebanyak 408 notis (77.56%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun dan jumlah kutipan kompaun turut menurun iaitu sebanyak 396 pemaju (77.34%) dan RM 1,927,500.00 (61.50%).

**JADUAL 4 :**

**STATISTIK KOMPAUN PADA SUKU KEDUA 2012**

PERKARA	JUMLAH		% PERUBAHAN TAHUNAN (YoY)
	Q2 2011	Q2 2012	
NOTIS KOMPAUN	526	118	(77.56)
PEMAJU DIKOMPAUN	512	116	(77.34)
KUTIPAN KOMPAUN	RM 3,134,000	RM 1,206,500	(61.50)

**JADUAL 5 :**


**STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN BAGI SUKU KEDUA 2012**

BULAN	KESALAHAN		BILANGAN PEMAJU DIKOMPAUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
	AKTA	PERATURAN		
April	83	0	82	207,000.00
Mei	0	23	22	616,000.00
Jun	0	12	12	383,500.00
<b>JUMLAH</b>	<b>83</b>	<b>35</b>	<b>116</b>	<b>1,206,500.00</b>

**PRESTASI KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN**

Kegagalan mengemukakan Laporan Audit [Seksyen 7 (e)] merupakan kesalahan tertinggi dikenakan kompaun iaitu sebanyak 47 notis (39.83%). Ini diikuti kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan Projek [Seksyen 7(f)] sebanyak 36 notis (30.51%) dan Kesalahan Iklan dan Penjualan [Peraturan 6 (1)] sebanyak 34 notis (28.81%).

**GRAF 1 :  
JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN PADA SUKU KEDUA 2012**



## **II. PENDAKWAAN**

### **PRESTASI KESELURUHAN**

Bagi suku kedua 2012, sebanyak 28 kes baharu yang melanggar peruntukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan telah didaftarkan di mahkamah untuk didakwa. Sebanyak 183 kes telah diselesaikan dan baki 132 kes masih dalam proses di mahkamah.

#### **JADUAL 6 :**

#### **STATISTIK PENDAKWAAN BAGI SUKU KEDUA 2012**

<b>JUMLAH KES SEHINGGA TAHUN 2011</b>	<b>KES BAHARU</b>	<b>BIL. KES SELESAI</b>	<b>BAKI KES BELUM SELESAI</b>
488	28	183	132

## **III. SENARAI HITAM**

Sehingga suku kedua 2012, sebanyak 1,316 orang pemaju serta 4,480 orang Ahli Lembaga Pengarah telah disenarai hitamkan.



## **PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH**

### **A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA**

#### **I. PROJEK LANCAR**

Bagi suku kedua 2012, terdapat 3,173 projek berjalan lancar di Semenanjung Malaysia melibatkan 414,605 unit rumah dan 227,245 pembeli.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mempunyai bilangan Projek Lancar yang paling tinggi iaitu sebanyak 27.92% ataupun 886 projek yang melibatkan 139,572 unit rumah dan 75,126 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 15.72% ataupun 499 projek yang melibatkan 79,457 unit rumah dan 43,425 orang pembeli.

**JADUAL 7 :**

**STATISTIK PROJEK LANCAR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
SELANGOR	886	139,572	75,126
JOHOR	499	79,457	43,425
PERAK	488	71,060	43,586
KEDAH	258	18,911	6,575
PULAU PINANG	251	22,121	10,094
NEGERI SEMBILAN	200	24,024	12,080
PAHANG	199	5,672	4,176
W. P. KUALA LUMPUR	133	34,731	22,465
KELANTAN	86	5,785	3,501
MELAKA	84	9,130	4,728
TERENGGANU	62	2,882	1,123
PERLIS	27	1,260	366
<b>JUMLAH</b>	<b>3,173</b>	<b>414,605</b>	<b>227,245</b>

**II. PROJEK LEWAT**

Sehingga suku kedua 2012, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 56 projek yang melibatkan sebanyak 9,722 unit rumah dan 5,611 pembeli.

Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 26 projek (46.42%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 7 projek (12.50%) dan negeri Johor sebanyak 6 projek (10.71%). Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu.

**JADUAL 8 :**  
**STATISTIK PROJEK LEWAT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
SELANGOR	26	4,172	2,891
W. P. KUALA LUMPUR	7	3,425	1,722
JOHOR	6	535	272
PAHANG	5	207	174
MELAKA	4	864	231
NEGERI SEMBILAN	4	120	47
PULAU PINANG	3	367	251
PERAK	1	32	23
KEDAH	0	0	0
KELANTAN	0	0	0
PERLIS	0	0	0
TERENGGANU	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>56</b>	<b>9,722</b>	<b>5,611</b>

**III. PROJEK SAKIT**

Sehingga suku kedua 2012, bilangan Projek Sakit adalah sebanyak 231 projek yang melibatkan sebanyak 30,267 unit rumah dan 21,943 pembeli.

Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 82 projek (35.49%) dan diikuti oleh negeri Kelantan dengan 25 projek (10.82%) serta negeri Pahang dengan 24 projek (10.38%).

**JADUAL 9 :**  
**STATISTIK PROJEK SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
SELANGOR	82	15,728	12,062
KELANTAN	25	1,605	1,220
PAHANG	24	1,832	1,094
JOHOR	21	2,298	1,632
TERENGGANU	20	1,695	1,377
KEDAH	15	2,004	1,180
NEGERI SEMBILAN	14	1,652	1,125
PERAK	9	993	813
PULAU PINANG	7	1,105	561
W. P. KUALA LUMPUR	7	832	545
MELAKA	6	447	298
PERLIS	1	76	36
<b>JUMLAH</b>	<b>231</b>	<b>30,267</b>	<b>21,943</b>

**B.PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

**I. STATUS PROJEK TERBENGGKALAI**


Sehingga 30 Jun 2012, terdapat 94 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 40,591 unit rumah dan 27,780 pembeli. Daripada 94 projek tersebut, sebanyak 21 projek (22.34%) telah dikeluarkan daripada senarai terbengkalai selepas berjaya dipulihkan atau diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 61 projek (64.89%) sedang dalam proses pemulihan dan sebanyak 12 projek (12.76%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan.

Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah projek perumahan terbengkalai masih kekal dengan 94 projek. Dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh JPN, terdapat 21 projek terbengkalai telah diselesaikan sehingga suku kedua tahun 2012 dan tiada projek baru yang diisytiharkan terbengkalai bagi suku kedua tahun 2012.

**JADUAL 10 :**  
**RINGKASAN STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**  
**DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEHINGGA 30 JUN 2012**

BIL	STATUS	SEHINGGA 30 JUN 2012
1	Perancangan Awal	12 (12.76%)
2	Sedang Dipulihkan	61 (64.89%)
3	Siap Diduduki / Selesai	21 (22.34%)
<b>JUMLAH</b>		<b>94</b>

**GRAF 2:**  
**STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI PADA SUKU KEDUA 2012**



**PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI**

Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan terbengkalai paling tinggi iaitu sebanyak 31 projek (20,630 unit rumah dan 15,583 pembeli) dan diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 19 projek (6,864 unit rumah dan 4,390 pembeli). Selain itu, negeri yang tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai adalah negeri Terengganu dan Perlis.

**JADUAL 11 :**

**STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BIL. PROJEK</b>	<b>BIL. UNIT RUMAH</b>	<b>BIL. PEMBELI</b>
SELANGOR	31	20,630	15,583
JOHOR	19	6,864	4,390
NEGERI SEMBILAN	12	2,192	1,623
KEDAH	7	1,394	696
PULAU PINANG	6	2,895	2,144
PERAK	5	870	370
W.P. KUALA LUMPUR	4	1,442	914
PAHANG	4	1,351	880
KELANTAN	4	2,239	518
MELAKA	2	714	662
TERENGGANU	0	0	0
PERLIS	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>94</b>	<b>40,591</b>	<b>27,780</b>

**BAHAGIAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)**

**I. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN**

**PERMOHONAN**

Pada suku kedua 2012, sebanyak 315 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) telah diterima dan sebanyak 3 permohonan pinjaman SPP telah diluluskan. Bagi perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya, jumlah permohonan mencatatkan peningkatan sebanyak 281 permohonan (826.47%). Walau bagaimanapun, kelulusan pinjaman SPP telah mencatatkan penurunan sebanyak 38 permohonan (92.68%) berbanding dengan suku kedua 2011.

**JADUAL 12 :**

**STATISTIK PERMOHONAN PADA SUKU KEDUA 2012**

JENIS	BILANGAN		% PERUBAHAN
	Q2 2011	Q2 2012	TAHUNAN ( YoY )
PERMOHONAN	34	315	826.47
KELULUSAN	41	3	(92.68)

**JADUAL 13 :**

**STATISTIK PERMOHONAN SPP BAGI SUKU KEDUA 2012**

BIL. PERMOHONAN	BIL. KELULUSAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
315	3	168,823.56

**KUTIPAN BAYARAN BALIK**

Dari segi pengutipan bayaran balik pinjaman SPP, sejumlah RM 1,023,949.11 telah diterima daripada 2,395 peminjam pada suku kedua 2012. Jumlah kutipan balik telah mencatatkan penurunan sebanyak 49.53% berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2011.

**JADUAL 14 :**

**KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (SPP) BAGI SUKU KEDUA 2012**

<b>BULAN</b>	<b>TAHUN 2011 (RM)</b>	<b>TAHUN 2012 (RM)</b>
APRIL	713,530.36	360,236.19
MEI	605,901.01	268,748.20
JUN	708,694.24	394,964.72
<b>JUMLAH</b>	<b>2,028,125.61</b>	<b>1,023,949.11</b>

**TUNGGAKAN BAYARAN**

Jumlah tunggakan bayaran telah menurun sebanyak RM 889,671.46 (12.87%) daripada RM 6,909,284.47 kepada RM 6,019,613.01 berbanding suku tahun yang sama tahun 2011.

**JADUAL 15 :**

**PERBANDINGAN TUNGGAKAN SPP BAGI SUKU KEDUA TAHUN 2011 DAN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>30 JUN 2011 (RM)</b>	<b>30 JUN 2012 (RM)</b>
KELANTAN	2,682,349.22	2,334,038.01
KEDAH	2,068,307.20	1,989,792.78
PERAK	1,206,497.12	1,052,966.71
TERENGGANU	308,889.23	200,504.69
JOHOR	288,727.95	203,345.05
PAHANG	175,508.83	114,352.97
NEGERI SEMBILAN	62,730.01	45,817.53
SELANGOR	51,661.25	25,745.19
MELAKA	23,662.31	24,289.32
PERLIS	31,911.35	28,760.76
W.P. KUALA LUMPUR	9,040.00	0.00
PULAU PINANG	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>6,909,284.47</b>	<b>6,019,613.01</b>


JADUAL 16 :

TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BILANGAN PEMINJAM
KELANTAN	2,334,038.01	774
KEDAH	1,989,792.78	569
PERAK	1,052,966.71	306
TERENGGANU	200,504.69	50
JOHOR	203,345.05	91
PAHANG	114,352.97	52
NEGERI SEMBILAN	45,817.53	14
SELANGOR	25,745.19	8
MELAKA	24,289.32	9
PERLIS	28,760.76	11
<b>JUMLAH</b>	<b>6,019,613.01</b>	<b>1,884</b>

GRAF 3:

TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012





**RUMAH YANG SIAP DIBINA**

Pada suku kedua 2012, sebanyak 25 unit rumah telah siap dibina oleh peminjam SPP. Sehingga 30 Jun 2012, bilangan unit rumah yang dibina oleh peminjam SPP adalah sebanyak 7,880 unit. Daripada jumlah tersebut, 6,448 unit (81.82%) rumah peminjam telah siap dibina manakala bakinya 1,432 unit(18.17%) masih dalam peringkat pembinaan.

**JADUAL 17 :**

**STATUS PEMBINAAN RUMAH DIBAWAH SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PEMOHONAN DILULUSKAN ( KELULUSAN BERSIH )</b>	<b>UNIT SIAP DIBINA</b>	<b>UNIT DALAM PEMBINAAN</b>
KELANTAN	3,336	2,418	918
PERAK	1,091	987	104
KEDAH	1,602	1,470	132
TERENGGANU	618	514	104
PAHANG	327	268	59
SELANGOR	321	289	32
JOHOR	314	253	61
PERLIS	96	89	7
MELAKA	79	67	12
NEGERI SEMBILAN	78	76	2
W.P. KUALA LUMPUR	13	12	1
PULAU PINANG	5	5	0
<b>JUMLAH</b>	<b>7,880</b>	<b>6,448</b>	<b>1,432</b>

**PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT( PPR )**

**I. PRESTASI KESELURUHAN**

Sehingga 30 Jun 2012, JPN telah melaksanakan 119 projek PPR (83,552 unit) yang meliputi 88 projek (75,822 unit) PPR Disewa dan 31 projek (7,730 unit) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 65 projek yang mengandungi 63,441 unit telah siap dibina, manakala 22 projek (12,148 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 23 projek (3,109 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 8 projek (4,621 unit) sedang dalam peringkat pembinaan.

**JADUAL 18 :**

**STATUS PELAKSANAAN PPRKESELURUHAN SEHINGGA 30 JUN 2012**

PROGRAM	JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
<b>PPR Disewa</b>	<b>1</b>	<b>233</b>	<b>22</b>	<b>12,148</b>	<b>65</b>	<b>63,441</b>	<b>88</b>	<b>75,822</b>
i) PPR Disewa Bersepadu	0	0	2	1,500	51	51,848	53	53,348
ii) PPR Disewa Dasar Baru	1	233	20	10,648	14	11,593	35	22,474
<b>PPR Dimiliki (Pahang)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>4,621</b>	<b>23</b>	<b>3,109</b>	<b>31</b>	<b>7,730</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>233</b>	<b>30</b>	<b>16,769</b>	<b>88</b>	<b>66,550</b>	<b>119</b>	<b>83,552</b>

**II. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA**

Bagi PPR Disewa, sebanyak 57,348 unit telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengisian sehingga 30 Jun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53,531 unit (93.34%) telah disewakan berbanding 52,159 unit pada 30 Jun 2011 iaitu dengan peningkatan sebanyak 1,372 unit (2.63%). Baki unit yang belum disewakan adalah sebanyak 3,499 unit (6.10%). Secara keseluruhan, di antara negeri yang mempunyai banyak kekosongan unit adalah negeri Johor 1,031 unit (29.46%), negeri Sabah 844 unit (24.12%) dan negeri Sarawak sebanyak 514 unit (14.68%).

**JADUAL 19 :**

**STATUS PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN ( UNIT )</b>	<b>JUMLAH DIISI ( UNIT )</b>	<b>BELUM DIISI ( UNIT )</b>
W.P. KUALA LUMPUR	28,970	28,490	480
SABAH	11,531	10,687	844
JOHOR	7,108	5,803	1,031
SELANGOR	3,304	2,792	512
KEDAH	1,894	1,844	50
SARAWAK	1,516	1,002	514
PERLIS	1,228	1,184	44
PULAU PINANG	702	683	19
PERAK	675	631	0
NEGERI SEMBILAN	420	415	5
<b>JUMLAH</b>	<b>57,348</b>	<b>53,531</b>	<b>3,499</b>

**IV. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI**

Sehingga 30 Jun 2012, sebanyak 3,062 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,978 unit (97.25%) telah dijual dan diserahkan kunci kepada pembeli, sementara baki sebanyak 84 unit (2.74%) adalah masih dalam proses penjualan.

**JADUAL 20 :**  
**STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI SEHINGGA 30 JUN 2012**

BIL.	PROJEK PPR (M)	UNIT	BIL. UNIT DIJUAL	BIL. UNIT KOSONG
<b>PROJEK SIAP</b>				
<b>Daerah Rompin</b>				
1	Muadzam Shah	150	148	2
2	Parit Raja	150	150	0
3	Leban Chondong	100	52	48
<b>Daerah Lipis</b>				
4	Kerambit	100	100	0
5	Padang Tengku	100	100	0
<b>Daerah Maran</b>				
6	Jengka	300	300	0
<b>Daerah Bera</b>				
7	Bukit Mendi	150	150	0
<b>Daerah Raub</b>				
8	Batu 17, Tersang	150	150	0
9	Tanjung Putus	100	100	0
<b>Daerah Temerloh</b>				
10	Bolok Hilir	150	150	0
11	Pamah Kaseh	150	150	0
12	Paya Sok	100	66	34
<b>Daerah Pekan</b>				
13	Tg. Agas	150	150	0
14	Paloh Hinai	150	150	0
15	Kuala Pahang	318	318	0
16	Kuala Pahang Fasa II	32	32	0
17	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0
18	Tg. Selangor Fasa II	62	62	0
19	Tg .Batu	150	150	0
<b>Daerah Kuantan</b>				
20	Kg. Hijrah	150	150	0
21	Kg. Baru Gambang	150	150	0
<b>PROJEK SIAP TANPA CFO</b>				
<b>Daerah Jerantut</b>				
22	Ibol Tungal	100	100	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,062</b>	<b>2,978</b>	<b>84</b>

## **PENGURUSAN SETINGGAN**

Sehingga 30 Jun 2012, bilangan keluarga setinggan yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 76,937 keluarga. Berbanding dengan 31 Mac 2012, bilangan keluarga setinggan telah menurun sebanyak 2,771 keluarga (3.47%).

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai paling ramai setinggan iaitu 37,746 keluarga (49.06%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 8,529 keluarga (11.08%), manakala negeri Melaka hanya mempunyai 12 keluarga setinggan (0.02%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setinggan yang paling rendah.

### **JADUAL 21 :**

#### **STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 30 JUN 2012**

<b>NEGERI</b>	<b>BIL. KELUARGA</b>	<b>BIL. AHLI KELUARGA</b>	<b>BIL. BANGUNAN</b>
SABAH	37,746	142,187	25,328
JOHOR	8,529	6,541	10,830
SARAWAK	8,436	35,233	7,784
PERAK	3,850	15,400	3,850
PULAU PINANG	3,359	14,867	1,996
KEDAH	3,015	15,070	3,015
W.P. KUALA LUMPUR	2,998	15,580	3,116
SELANGOR	2,542	3,299	3,299
PERLIS	1,872	8,658	1,871
KELANTAN	1,439	5,828	1,400
PAHANG	1,133	4411	934
W.P. LABUAN	970	5,521	970
TERENGGANU	690	2,238	621
NEGERI SEMBILAN	346	585	239
MELAKA	12	99	29
<b>JUMLAH</b>	<b>76,937</b>	<b>275,517</b>	<b>65,282</b>

**PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA**

Sehingga 31 Disember 2011, bilangan kawasan pemajuan iaitu tanah hak milik muktamad yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada unit dibina atau sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 14,946.

Sejumlah 7,527 aduan telah diterima oleh unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi seluruh Semenanjung Malaysia bagi suku kedua 2012. Daripada jumlah aduan yang diterima, aduan mengenai Isu Kewangan merupakan yang utama yang diterima iaitu sebanyak 4,375 aduan (58.12%), diikuti oleh aduan berkaitan Khidmat Nasihat yang mencatatkan jumlah aduan sebanyak 906 aduan (12.04%). Bilangan aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan yang terendah diterima iaitu 91 aduan (1.21%).

Negeri Selangor mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 5,189 aduan (68.94%) dan diikuti oleh negeri Pulau Pinang sebanyak 766 aduan (10.17%) dan Wilayah Persekutuan sebanyak 592 aduan (7.86%).

**JADUAL 22 :  
STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB DI PBT MENGIKUT NEGERI DAN JENIS  
BAGI SUKU KEDUA 2012 (APRIL - JUN)**

NEGERI	JENIS ADUAN							JUMLAH ADUAN
	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Penyenggaraan dan Kerosakan Pentadbiran	Pengurusan dan Mesyuarat dan Pemilihan	Penguatkuasaan COB	Lain - Lain		
SELANGOR	4,116	400	248	162	69	53	141	<b>5,189</b>
PULAU PINANG	93	192	146	207	111	5	12	<b>766</b>
W. PERSEKUTUAN	65	29	66	67	202	20	143	<b>592</b>
JOHOR	38	157	70	41	113	5	7	<b>431</b>
MELAKA	13	42	68	11	6	3	89	<b>232</b>
NEGERI SEMBILAN	17	30	41	40	9	0	3	<b>140</b>
PAHANG	27	25	13	15	20	4	0	<b>104</b>
PERAK	5	12	9	5	0	0	7	<b>38</b>
TERENGGANU	0	6	1	2	7	0	0	<b>16</b>
KEDAH	1	11	0	0	2	1	0	<b>15</b>
KELANTAN	0	2	1	0	1	0	0	<b>4</b>
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4,375</b>	<b>906</b>	<b>663</b>	<b>550</b>	<b>540</b>	<b>91</b>	<b>402</b>	<b>7,527</b>

**PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN**

Sehingga 30 Jun 2012, sebanyak 537 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber. Sebanyak 469 aduan (87.30%) telah diselesaikan dan bakinya masih dalam tindakan. Kebanyakan aduan yang masih dalam tindakan adalah aduan dalam kategori teknikal dan rumit untuk diselesaikan.

Saluran aduan yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah melalui laman web iaitu sebanyak 257 aduan (47.80%). Ini diikuti melalui borang di kaunter aduan Jabatan sebanyak 148 aduan (27.60%).

**JADUAL 23 :  
BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
BAGI SUKU PERTAMA 2012**

TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
537	469	68

**GRAF 4 :  
SUMBER ADUAN DARI JANUARI HINGGA 30 JUN 2012**

